

# Inspira<sup>Inside</sup>

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS  
الجامعة الوطنية للتربية والتعليم

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 36: 7 September 2026



## Syahida Asyiqin Olahragawati SUKIPT 2026

**Universiti Malaya, 19 Ogos** - Gelaran Olahragawati Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2026 menjadi kejutan manis buat atlet kayak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Syahida Asyiqin Rusli selepas menampilkan prestasi cemerlang pada temasya itu. Atlet berusia 22 tahun itu mencipta rekod kebangsaan baharu acara TK1 200 meter wanita dengan catatan 56.30 saat pada pusingan kelayakan.

Catatan berkenaan memadam rekod lama 57.29 saat, sekali gus menjadi pencapaian penting sebelum Syahida dinobatkan sebagai Olahragawati SUKIPT 2026. Menurut atlet kelahiran Kuala Terengganu itu, pengiktirafan berkenaan menjadi ganjaran terhadap pengorbanan yang dilakukan sepanjang mengimbangi tuntutan sebagai atlet dan pelajar. "Semua penat lelah dan pengorbanan selama ini akhirnya terbalas. Anugerah ini juga menjadi motivasi untuk saya terus berusaha dan buat yang terbaik," katanya. Dalam rutin harian, Syahida perlu menjalani latihan dua kali

sehari selain mengikuti pengajian di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan UPSI. Jadualnya bertambah padat menjelang cuti semester apabila tuntutan latihan perlu diselaraskan dengan tugas serta persediaan menghadapi peperiksaan.

"Selepas latihan pagi, saya terus ke kelas dan kemudian sambung latihan petang. Waktu rehat sangat terhad, tetapi saya cuba seimbangkan sebaik mungkin antara akademik dan sukan," katanya. Syahida berkata, disiplin mengurus masa menjadi kunci untuk memastikan kedua-dua bidang berkenaan dapat dilaksanakan tanpa menjejaskan antara satu sama lain. "Walaupun latihan agak padat, saya cuba susun masa sebaik mungkin supaya belajar dan sukan kedua-duanya dapat dijalankan dengan baik," katanya. Kejayaan itu turut dikongsi bersama keluarga, jurulatih, Pusat Sukan UPSI dan rakan sepasukan yang banyak membantu sepanjang perjalanan Syahida dalam sukan kayak.

"Keluarga sentiasa menjadi tulang belakang, manakala coach membimbing saya dari awal sehingga ke tahap sekarang. Saya sangat menghargai sokongan semua pihak," katanya. Selain mahkota Olahragawati, Syahida turut menerima insentif RM20,000 susulan kejayaan memecahkan rekod kebangsaan, namun belum mempunyai perancangan khusus untuk wang berkenaan. "Mungkin saya akan simpan dahulu untuk kegunaan masa akan datang," katanya. Syahida mengakui bukan mudah untuk memecahkan rekod kebangsaan dan kemudiannya menerima pengiktirafan sebagai Olahragawati, namun sokongan sekeliling membantunya mencapai sasaran itu. Selepas SUKIPT, tumpuan Syahida kini beralih kepada beberapa pertandingan akan datang, termasuk Regatta UPSI pada November, selepas acara kayak tidak dipertandingkan pada Asean University Games (AUG). "Buat masa ini saya masih fokus menjalani latihan dan membuat persiapan untuk pertandingan seterusnya," katanya.



SUKIPT 7  
Universiti Malaya | 2026

Impossible  
is Nothing

**Syabas dan Tahniah**  
**Kontinjen UPSI**  
Meraih  
**TEMPAT KE-5**  
sempena SUKIPT 2026

Satu  
Pasukan  
Satu  
Semangat  
**UPSI!**



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



## RPTM lahirkan mahasiswa kompeten, berjiwa manusia

**Tanjong Malim, 5 September** - Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035 memberi penekanan kepada pembangunan mahasiswa yang bukan sahaja kompeten dalam bidang akademik, malah memiliki nilai kemanusiaan dan karakter yang baik. Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berkata, matlamat pendidikan bukan sekadar melahirkan graduan berpengetahuan dan berkemahiran, bahkan membentuk individu yang lebih baik serta mampu berdepan perubahan dunia dan cabaran pasaran pekerjaan.

“Matlamat pendidikan ialah untuk menjadikan diri kita orang yang lebih baik. Kalau kita belajar tetapi karakter dan perangai kita menjadi lebih teruk, itu bukan matlamat pendidikan,” katanya pada sesi Sembang Santai Bersama Doc Zam bersempena Karnival Siswa Perak

## Ahmad Sani Araby, Alumni UPSI saran mahasiswa berani teroka idea besar rentas dunia

**Tanjong Malim, 5 September** -Alumni Universiti Pendidikan Sultan Idris ( UPSI), Datuk (Dr) Ahmad Sani Araby Datuk Abdul Alim Araby berharap mahasiswa universiti itu berani pelbagai idea baharu. SertaiRangkaian Alumni

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ceramah perkongsian zaman mahasiswa hingga menjadi aktivis kemanusiaan membantu rakyat Palestine yang ditindas Israel. Sesi yang diadakan di UPSI Adventure Park, Kampus Sultan Azlan Shah sempena Kem Bina Bitara Insan (BIB), Fakulti Bahasa dan Komunikasi menyaksikan seramai lebih 200 semester satu Diploma Bahasa Inggeris mengikuti ceramah yang memberi motivasi dan pembentukan hala tuju menjadi pelajar hebat. Sebagai alumni UPSI



Sejahtera 3.0 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), di sini.

Menurut beliau, pendekatan berteraskan kemanusiaan atau 'humanity-centric' penting bagi memastikan kecemerlangan akademik mahasiswa berjalan seiring dengan pembentukan sahsiah dan nilai diri.

Perkembangan pesat teknologi termasuk kecerdasan buatan (AI), model bahasa besar dan teknologi pengkomputeran turut menuntut sistem pendidikan tinggi menyediakan mahasiswa bagi menghadapi dunia pekerjaan yang semakin berubah. “Cabaran adik-adik hari ini lebih dahsyat daripada zaman kami. Sebab itu kita perlu membuat perubahan dalam sistem pendidikan tinggi supaya adik-adik dapat mempersiapkan diri untuk berhadapan dengannya,” katanya.

yang kini menjadi Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) beliau berkata beliau memilih bidang pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua( TESL) bertujuan membuat persiapan membina kredibiliti diri yang masa mendatang.

Sebagai bekas pelajar TESL, Ahmad Sani yakin penguasaan bahasa Inggeris memberi satu kelebihan untuk berdepan dengan situasi perundingan peringkat dunia. “Sebagai mahasiswa, anda perlu berani mencipta perbezaan idea dan mempraktik kaedah strategi menang supaya kita dilihat berbeza daripada orang lain bagi menyerlah karisma diri dan tidak dipandang rendah,” katanya.



## Saarani rasmi Karnival Siswa Perak Sejahtera 3.0

**Tanjong Malim, 6 September** - Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad merasmikan Karnival Siswa Perak Sejahtera 3.0 di Dewan Panggung Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), di sini, pada Sabtu.

Hadir sama, Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Perak, Datuk Khairudin Abu Hanipah serta Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff.

Karnival berkenaan menghimpunkan lebih daripada 900 mahasiswa anak Perak daripada pelbagai institusi pengajian tinggi serta pelajar Tingkatan Enam dari seluruh negara. Ketika berucap, Saarani berkata, Perak Sejahtera 2030 yang digagaskan kerajaan negeri merupakan pelan pembangunan bagi membentuk negeri Perak yang makmur dan sejahtera untuk diwarisi generasi muda sebagai peneraju negeri pada masa hadapan.

Terdahulu Khairudin dalam ucapan aluan berkata, anak muda Perak khususnya mahasiswa perlu memainkan peranan sebagai rakan strategik kerajaan negeri dalam usaha memastikan agenda pembangunan terus bergerak maju dan memberi manfaat kepada rakyat.

Beliau berkata, generasi muda tidak seharusnya hanya menjadi pemerhati, sebaliknya perlu bersama-sama menyumbang pandangan, idea dan tenaga dalam membentuk masa depan negeri. “Anak-anak mungkin datang daripada kampus dan latar belakang yang berbeza, malah mungkin juga mempunyai pandangan dan aspirasi yang berbeza.

“Namun harus diingat, kita berkongsi negeri yang sama dan tanggungjawab yang sama untuk melihat Perak terus maju dan makmur dibawah gagasan Perak Sejahtera 2030,” katanya.

Khairudin berkata, penglibatan generasi muda juga selari dengan aspirasi Pelan Perak Sejahtera 2030 yang menekankan kepentingan pembangunan inklusif dan memberi ruang kepada golongan muda untuk terlibat dalam perjalanan kemajuan negeri.

“Pelan Perak Sejahtera 2030 membawa satu mesej penting, yang mana pembangunan negeri mesti dirasai oleh rakyat dan generasi muda mesti mempunyai tempat dalam perjalanan tersebut,” jelasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, penganjuran karnival

yang kini memasuki tahun ketiga itu menjadi platform penting dalam menghimpunkan golongan muda berteraskan semangat dan tekad untuk menyumbang kepada negeri. Kata beliau, program berkenaan turut membuka ruang kepada peserta untuk bertukar pandangan, berkongsi idealisme serta menyuarakan aspirasi agar pandangan golongan muda dapat diberi perhatian oleh kerajaan negeri.

“Karnival Siswa Perak Sejahtera 3.0 merupakan kesinambungan daripada program Jelajah Mahasiswa di bawah kerajaan negeri.

“Pada 17 Ogos yang lalu, Menteri Besar Perak turut bersama 200 mahasiswa Anak Perak di Shah Alam. Selepas ini, pada 21 September nanti, kita akan berjumpa dengan anak-anak muda Perak yang menuntut di Kolej Matrikulasi Gopeng,” katanya lagi.

Khairudin berkata, program mendekati mahasiswa dan golongan muda akan diteruskan apabila beliau dijadual turun bertemu pelajar di Kolej Komuniti serta Giat MARA di seluruh Perak pada Oktober dan November depan.



**Kuala Lumpur**  
SUKIPT 2026: Pasukan ragbi 7s UPSI raih emas



**Indonesia**  
Jabatan Psikologi Memperkukuh Jaringan Akademik Antarabangsa di Yogyakarta



**Ipoh**  
UPSI raih tempat ketiga pertandingan Perbarisan Hari Kebangsaan Perak



**Kuala Lumpur**  
Inisiatif Pasukan Sokongan Atlet UPSI ke Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT)